

## SKEMA MAKROEKONOMI

### Bahagian A [ 30 markah ]

1	C	11	A	21	C
2	D	12	B	22	A
3	C	13	D	23	A
4	B	14	C	24	C
5	A	15	D	25	A
6	C	16	B	26	A
7	C	17	B	27	B
8	C	18	C	28	C
9	B	19	B	29	A
10	B	20	D	30	A

### Bahagian B [ 30 markah ]

1. Apakah yang dimaksudkan dengan *nilai ditambah* ? Dengan menggunakan contoh berangka, jelaskan bagaimana nilai ditambah dihitung. [6]


Definisi nilai ditambah - 1m  
contoh - 1m  
jadual sekurang-kurang dua peringkat - 2m  
huraian jadual - 2m

2. Jelaskan **tiga** faktor yang menimbulkan masalah penghitungan dalam pendapatan negara di sesebuah negara. [6]

- a) *masalah kegiatan haram*
  - b) *masalah pengiraan dua kali*
  - c) *masalah penanggaran susut nilai*
  - d) *masalah barang yang tidak dipasarkan*
  - e) *masalah pengumpulan data dan maklumat*
  - f) *masalah perubahan harga dan kualiti barang*
  - g) *masalah kegiatan produktif yang tidak dibayar dalam bentuk wang*
- mana-mana 3 isi x 2 markah [ isi ½ m dan huraian 1 ½ m ]***

3. Apakah yang dimaksudkan dengan *cukai sekali gus*. Dengan menggunakan kaedah suntikan dan bocoran, terangkan bagaimana kenaikan cukai sekali gus mempengaruhi keseimbangan pendapatan negara. [6]

Cukai sekali gus adalah cukai tetap yang tidak dipengaruhi oleh tingkat pendapatan negara [1M]



- Keseimbangan asal [ 1M ]  
 Apabila cukai meningkat, bocoran meningkat [ ½ m ]  
 Alihan kelok –bocoran bergerak keatas secara selari menjadi S + T0 ke S + T1 [1m]  
 Pada  $Y_0$  wujud lebih stok , firma mengurangkan output [ ½ m ]  
 Kesan, pendapatan negara turun dari  $Y_0$  ke  $Y_1$  [ ½ m ]  
 sebesar saiz pengganda [ ½ m ]

4. a) Apakah dimaksudkan dengan *pengganda* [1]  
 b) Dengan contoh berangka , terangkan bagaimana proses pengganda berlaku dalam ekonomi dua sektor [5]

- a) Pengganda ialah ukuran yang menunjukkan perubahan dalam tingkat PN akibat perubahan dalam komponen AE spt Pelaburan [ 1M ]  
 b) Andaian  
 MPC = 0.5 [ ½ m ]  
 berlaku peningkatan dalam pelaburan sebanyak RM 100 juta [ ½ m ]

Jadual - minima 2 tahap [2m]

Tahap	Perubahan Y	Perubahan C	Perubahan S
1	100	50	50
2	20	25	25
3	25	17.5	17.5
Lain tahap	Seterusnya		
Jumlah	200	100	100

- Huraian tahap pertama dan tahap ke dua [ 1M ]  
 Akibat kenaikan pelaburan 100 juta PN akan naik 2 kali ganda menjadi 200 juta [ 1m ]

5. Huraikan fungsi bank pusat sebagai juru bank kepada kerajaan.

[6]


Skema

- i. mengurus akaun kerajaan
- ii. mentadbir hutang negara
- iii. menjadi sumber pinjaman kerajaan
- iv. sebagai penasihat ekonomi kepada kerajaan

**mana-mana 3 isi x 2 markah [ isi ½ m dan huraian 1 ½ m ]**

6. Apakah yang dimaksudkan dengan *stagflasi*? Dengan bantuan gambar rajah permintaan agregat dan penawaran agregat (AD-AS), terangkan kesan stagflasi terhadap keseimbangan pendapatan negara [6]

Stagflasi ialah satu keadaan di mana ekonomi mengalami inflasi dan pengangguran secara serentak.[1m]



Rajah [2m]

-keluk ASo bersilang dengan keluk AD pada titik keseimbangan Eo, harga asal Po, pendapatan negara asal ialah Yo. [1m]

-Bila kos pengeluaran meningkat, pengeluar mengurangkan AS, keluk AS beralih ke kiri dari ASo Ke AS1. [ ½ m]

-Pada harga Po, AD melebihi AS. [ ½ m]

-Kesannya harga meningkat dari Po ke P1 (berlaku inflasi)[ ½ m] dan pendapatan negara turun dari Yo ke Y1 (berlaku pengangguran).[ ½ m]

7. a) Apakah yang dimaksudkan dengan *kadar syarat perdagangan* ? [2]  
 b) Mengapakah kemerosotan dalam kadar syarat perdagangan menimbulkan kesan buruk terhadap imbangan dagangan? [4]

- a) KSP ialah satu indeks yang menunjukkan berapa banyak eksport yang diperlukan untuk mendapatkan satu unit import. [1m]

$$\text{Formula KSP} = \frac{\text{IH eksport}}{\text{IH import}} \times 100 \quad [1m]$$

- b) - apabila  $P_x$  turun, nilai Eksport relatif lambat berkembang [1m]  
 - pada masa yang sama  $P_m$  naik, mempercepatkan perkembangan nilai import [1m]  
 - nilai import > nilai eksport [1m]  
 - jadi kemerosotan dalam KSP menyebabkan imbangan perdagangan bertambah buruk [1m]

8. Huraikan bagaimana faktor berikut mempengaruhi pertumbuhan ekonomi.

- a) Anugerah kekayaan alam [2]  
 b) Perkembangan teknologi [2]  
 c) Tabungannya masyarakat dan pembentukan modal tetap [2]

*a) Anugerah kekayaan alam*

- menjamin bekalan bahan mentah yang mencukupi untuk proses pengeluaran [½ m]  
 -berupaya menarik pelaburan langsung asing (FDI) untuk mengusaha pengeluaran [½ m]  
 -pengeluaran boleh ditingkatkan [½ m]  
 -output meningkat, berlaku pertumbuhan ekonomi [½ m]

*b) Perkembangan teknologi*

- meningkatkan kecekapan pengeluaran/menambahkan jumlah pengeluaran [½ m]  
 -menurunkan kos pengeluaran [½ m]  
 -meningkatkan mutu barang/ menghasilkan barang baru [½ m]  
 -meningkatkan pertumbuhan ekonomi [½ m]

*c) Tabungannya masyarakat dan pembentukan modal tetap*

- pertambahan pelaburan menambahkan kebolehan negara mengumpul modal [½ m]  
 -pertambahan pelaburan [½ m]  
 -pertambahan keluaran negara [½ m]  
 -keluaran negara meningkat, berlaku pertumbuhan ekonomi [½ m]

**Bahagian C [ 20 markah ]**

Jawab **dua** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya menguntukkan masa selama 35 minit bagi menjawab bahagian ini.

9. a) Apakah yang dimaksudkan dengan *pendapatan persendirian* dan *pendapatan bolehguna* ? [2]  
b) Dengan menggunakan contoh berangka , terangkan bagaimana pendapatan persendirian dan pendapatan bolehguna dihitung [8]

- a) Pendapatan persendirian ialah pendapatan yang diterima oleh faktor pengeluaran hasil kegiatan produktif dalam tempoh setahun [1m]  
pendapatan bolehguna ialah pendapatan yang diterima oleh individu yang boleh dibelanjakan ke atas barang dan perkhidmatan dan ditabungkan [1m]

- b) Contoh berangka :

Butiran	RM juta	
Pendapatan Negara	100	} 2m
- cukai untung syarikat	10	
- untung tak dibahagi	10	
- caruman KWSP	10	
+ bayaran pindahan	5	
+ bunga atas pinjaman pengguna	5	
+ bunga atas pinjama kerajaan	5	
Pendapatan Persendirian	85	1m
- cukai pendapatan individu	5	1m
- Pendapata bolehguna	80	1m

Huraian – 3m


huraian pendapatan persendirian dan formula [2m]

huraian pendapatan bolehguna [1m]

10. Dengan bantuan gambar rajah permintaan agregat dan penawaran agregat (AD-AS), jelaskan bagaimana perkara berikut mempengaruhi harga dan keseimbangan pendapatan negara.

a) Gaji kakitangan awam dinaikkan [5]

b) Kerajaan mengurangkan subsidi kepada firma [5]




Keseimbangan asal [ 1M ]

Kenaikan gaji menyebabkan AD bertambah [ ½ M ]

Peralihan keluk AD bergerak ke AD1 [ 1 M ]

Pada harga P0 wujud lebih AD Firma akan meningkatkan [ ½ M ]

kesannya harga naik ke P1 dan Keluaran negara benar naik dari Y0 ke Y1 [ 1M ]



Keseimbangan asal [ 1M ]


Pengurangan subsidi menyebabkan kos bagi firma bertambah [ ½ M ]

Peralihan keluk AS0 ke AS1 [ 1 M ]

Pada harga P0- wujud lebih AD, firma mengurangkan keluaran [ ½ M ]

kesannya harga naik ke P1 dan Keluaran negara benar turun dari Y0 ke Y1 [ 1M ]

11. a) Dengan menggunakan gambar rajah, jelaskan maksud *inflasi tolakan kos* [6]  
 b) Huraikan **dua** kesan inflasi terhadap ekonomi negara [4]



Rajah [2]

- Keseimbangan asal pada harga asal  $P_0$ , pendapatan negara guna tenaga penuh ialah  $Y_f$  apabila keluk  $AS_0$  bersilang dengan keluk  $AD$  [1m]
- Bila kos pengeluaran meningkat, pengeluar mengurangkan  $AS$  , [ ½ m]
- keluk  $AS$  beralih ke kiri dari  $AS_0$  Ke  $AS_1$ . [1m]
- Kesannya pendapatan negara turun dari  $Y_f$  ke  $Y_1$ , harga meningkat dari  $P_0$  ke  $P_1$ , [ ½ m]
- maka berlaku inflasi tolakan kos yang disebabkan oleh kenaikan kos pengeluaran [1m]

b) -Nilai wang turun, kuasa beli pengguna turun,  $AE$  turun, pendapatan negara turun. [2m]


-inflasi sederhana menggalakkan pengeluar tambah output, pelaburan bertambah, pendapatan negara meningkat [2m]

- Sebahagian masyarakat mendapat untung, contoh peniaga. Sebahagian lagi rugi, contoh: golongan berpendapatan tetap seperti kakitangan awam, wujud jurang agihan pendapatan negara. [2m]

***mana-mana 2 isi x 2 markah***

12. a) Dengan menggunakan gambar rajah, jelaskan maksud *terlebih nilai* ? [4]  
 b) Terangkan kesan terlebih nilai Ringgit Malaysia terhadap yang berikut:  
 i. Imbangan dagangan Malaysia  
 ii. Pelaburan asing di Malaysia  
 iii. Keluaran negara Malaysia. [6]

-maksud terlebih nilai ialah apabila kerajaan menetapkan kadar pertukaran di bawah kadar pertukaran pasaran [1m]



Rajah :[ 1m]

Kadar pertukaran keseimbangan pada  $US\$1 = RM3.00$ , (1m),  
 apabila kerajaan menetapkan kadar tukaran lebih rendah daripada RM3.00, iaitu RM2.50. Ini menunjukkan RM terlebih nilai. (1m)

b) Terangkan kesan terlebih nilai Ringgit Malaysia terhadap yang berikut:

i. *Imbangan dagangan Malaysia*

- Harga eksport M'sia lebih mahal, kuantiti eksport merosot [ ½ m]
- Harga Import lebih murah, kuantiti import meningkat [ ½ m]
- Eksport bersih berkurang, imb dagangan bertambah buruk [1m]

ii. *Pelaburan asing di Malaysia*

- RM menjadi lebih mahal [ ½ m]
- pertambahan import akan membantutkan industri eksport [ ½ m]
- aktiviti ekonomi negara akan merosot [ ½ m]
- mengurangkan minat pelabur asing, pelaburan asing merosot [ ½ m]

iii. *Keluaran negara Malaysia.*

- pertambahan import akan mybbkn industri eksport merosot [ ½ m]
- aktiviti ekonomi akan merosot [ ½ m]
- guna tenaga akan berkurang/berlaku pengangguran [ ½ m]
- keluaran negara akan berkurang. [ ½ m]



**Bahagian D [ 20 markah ]**

Jawab **dua** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya menguntukkan masa selama 35 minit bagi menjawab bahagian ini.

13. Jadual di bawah menunjukkan jumlah sumbangan sektor-sektor ekonomi kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebuah negara dari tahun 2003 hingga tahun 2004 [dalam RM juta]

Sektor Ekonomi	2003	2004
Pertanian, perhutanan, perikanan	92.4	95.0
Perkilangan	88.0	135.0
Perdagangan, hotel, restoran	52.8	55.0
Perkhidmatan kerajaan	52.8	55.0
Pembinaan	22.0	15.0
Perlombongan dan kuari	44.0	50.0
Perkhidmatan lain	88.0	95.0
Keluaran Dalam Negeri Kasar	440.0	500.0

- a) Hitung kadar sumbangan sektor-sektor ekonomi di atas kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2004 [2]
- b) Sektor ekonomi yang manakah mengalami pertumbuhan paling pesat? Nyatakan dua faktor yang mempengaruhi pertumbuhan di atas. [3]
- c) Sektor ekonomi yang manakah yang digolongkan dalam sektor utama, sektor kedua, dan sektor ketiga ? [2]
- d) Hitung kadar pertumbuhan sektor utama, sektor kedua dan sektor ketiga dari tahun 2003 hingga tahun 2004. Terangkan arah alirannya. [3]

a) kadar sumbangan sektor ekonomi =  $\frac{\text{sektor ekonomi}}{\text{KDNK}} \times 100$  [ ½ m]

Pertanian, perhutanan, perikanan	= 19.0 %	
Perkilangan	= 27.0 %	
Perdagangan, hotel, restoran	= 11.0 %	
Perkhidmatan kerajaan	= 11.0 %	[ 1 ½ m]
Pembinaan	= 3.0 %	
Perlombongan dan kuari	= 10.0 %	
Perkhidmatan lain	= 19.0 %	

- b) Sektor perkilangan [1m].

Dua faktor : a) pertambahan permintaan barang perkilangan

b) kemasukan pelaburan asing dalam industri perkilangan

c) dasar kerajaan menggalakkan sektor perkilangan

**mana-mana 2 x 1m**

- c) Sektor utama
- Pertanian, perhutanan, perikanan
  - perlombongan dan kuari [ ½ m]

Sektor kedua

- perkilangan
- pembinaan [ ½ m]

Sektor ketiga

- Perdagangan, hotel, restoran
- Perkhidmatan kerajaan
- Perkhidmatan lain [ ½ m]

d)

$$\begin{aligned} \text{kadar pertumbuhan sektor utama} &= \frac{\text{sektor utama } t - \text{sektor utama } t-1}{\text{sektor utama } t-1} \times 100 \\ &= 6.30 \% \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{kadar pertumbuhan sektor kedua} &= \frac{\text{sektor kedua } t - \text{sektor kedua } t-1}{\text{sektor kedua } t-1} \times 100 \\ &= 36.36 \% \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{kadar pertumbuhan sektor ketiga} &= \frac{\text{sektor ketiga } t - \text{sektor ketiga } t-1}{\text{sektor ketiga } t-1} \times 100 \\ &= 5.89 \% \end{aligned}$$

14. Yang berikut merupakan fungsi perbelanjaan agregat bagi sebuah ekonomi.

$$C = 500 + 0.75 Y_d \text{ di mana } Y_d = Y - T$$

$$I = 800$$

$$G = 400$$

$$T = 200 + 0.2 Y \text{ { semua angka dalam RM juta } }$$

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan *keseimbangan pendapatan negara*? [1]
- b) Hitung nilai pengganda [1]
- c) Hitung keseimbangan pendapatan negara [2]
- d) Hitung jumlah nilai cukai pada tingkat keseimbangan pendapatan negara [1]
- e) Hitung belanjawan negara pada tingkat keseimbangan dan nyatakan jenis belanjawan [2]
- f) Jika keseimbangan pendapatan negara pada gunatenaga penuh ialah RM5000 juta, hitung
- i) Lompang deflasi atau inflasi yang dihadapi oleh ekonomi tersebut [2]
- ii) Berapakah perbelanjaan kerajaan diperlukan bagi mencapai gunatenaga penuh [1]
- a) Satu keadaan apabila  $AS = AE$  atau Suntikan = Bocoran [ 1M ]
- b)  $P = 2.5$  [1m]
- c)  $Y = C + I + G$  [ ½ M ]
- $$Y = 500 + 0.75 Y_d + 800 + 400$$
- $$Y = 500 + 0.75 ( Y - T ) + 1200$$
- $$Y = 1700 + 0.75 ( Y - 200 - 0.8 Y )$$
- $$Y = 1700 - 150 - 0.6 Y$$
- $$Y - 0.6 Y = 1550$$
- $$Y = 1550 / 0.4$$
- $$Y = \text{RM } 3,875 \text{ Juta} \quad [ 1 \frac{1}{2} \text{ M } ]$$
- c) Jumlah nilai cukai
- $$T = 200 + 0.2 ( 3875 )$$
- $$= \text{RM } 975 \text{ juta} \quad [ 1 \text{ M } ]$$
- d) Belanjawan Negara
- $$G = \text{RM } 400 \text{ juta}$$
- $$T = \text{RM } 975 \text{ juta}$$
- Ini menunjukkan  $G < T$  [1m] dan ia merupakan Dasar belanjawan Lebihan [1M ]
- e i) Lompang Deflasi = Jurang KNK / Pengganda
- $$[ \frac{1}{2} \text{ m} ] \quad = \frac{5000 - 3875}{2.5}$$
- $$= \text{RM } 450 \text{ juta} \quad [ 1 \frac{1}{2} \text{ M } ]$$
- ii ) Kerajaan harus meningkatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM 450 [1m]

15. Jadual di bawah menunjukkan mata wang dalam edaran, deposit semasa dan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) sebuah Negara pada tahun 2005 hingga tahun 2009.

Tahun	Mata wang dalam edaran (RM juta)	Deposit semasa (RM juta)	KDNK (RM juta)
2005	23 272.9	56 964.7	219 959
2006	23 157.9	59 590.5	222 750
2007	24 897.9	66 286.4	232 522
2008	27 111.5	77 122.7	243 460
2009	29 627.1	86 662.6	258 898

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan *bekalan wang M1* [2]  
 (b) Hitung bekalan wang M1 dari tahun 2005 hingga tahun 2009 [2]  
 (c) Hitung kadar pertumbuhan M1 dari tahun 2005 hingga tahun 2009 [2]  
 (d) Hitung halaju peredaran wang dari tahun 2005 hingga tahun 2009 [2]  
 (e) Berdasarkan jawapan di atas, adakah data tersebut selaras dengan Teori Kuantiti Wang? Jelaskan jawapan anda. [2]
- (a) Bekalan wang M1 terdiri daripada mata wang dalam edaran [1m] dan deposit semasa di bank perdagangan [1m]

- (b) bekalan wang M1 = mata wang dalam edaran + deposit semasa [½ m]

tahun	Bekalan wangM1
2005	80237.6
2006	82748.4
2007	91184.3
2008	104234.2
2009	116289.7

[1 ½ m]

- (c) kadar pertumbuhan M1 =  $\frac{M1_t - M1_{t-1}}{M1_{t-1}} \times 100$  [½ m]

2006 = 3.13 %

2007 = 10.19 %

2008 = 14.31 %

2009 = 11.57 %

[1 ½ m]

- (d) halaju edaran wang

$$V = \frac{\text{KDNK}}{\text{M1}} \quad [½ m]$$

tahun	Halaju edaran wang
2005	2.74
2006	2.69
2007	2.55
2008	2.34
2009	2.23

[1 ½ m]

- (e) Tidak.[1m], tanpa alasan [0m]  
 Kerana mengikut teori , halaju wang tidak berubah, tetapi pada data V berubah [1m]

16. Jadual di bawah menunjukkan data pertukaran asing antara Malaysia dengan Amerika Syarikat dan imbalan perdagangan antara Malaysia dan Amerika Syarikat dari tahun 2008 hingga 2011.

Tahun	Kadar pertukaran asing bagi US\$100.00	Imbalan perdagangan (RM juta)
2008	270.00	5300
2009	280.00	7900
2010	295.00	10500
2011	310.00	14800

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan *kadar tukaran asing dan imbalan perdagangan*? [2]
- b) Hitung kadar pertukaran bagi RM1.00 dalam sebutan US\$ bagi tahun 2008 hingga tahun 2011? [2]
- c) Huraikan arah aliran perubahan nilai RM berbanding US\$ bagi tahun 2008 hingga tahun 2011? [2]
- d) Huraikan kesan perubahan kadar pertukaran asing di atas ke atas imbalan perdagangan Malaysia [2]
- e) Nyatakan **dua** langkah kerajaan untuk memperbaiki imbalan perdagangan *perdagangan*? [2]
- a) Kadar tukaran asing bermaksud nilai mata wang sesebuah negara dinyatakan dalam mata wang negara lain [1m]  
 Imbalan dagangan ialah rekod yang menunjukkan jumlah eksport barang dan jumlah import barang bagi sesebuah negara dalam tempoh tertentu [1m]

b)

Tahun	Pengiraan	Kadar Pertukaran bagi RM1.00
2008	US\$100/RM270	US\$0.27
2009	US\$100/RM280	US\$0.26
2010	US\$100/RM295	US\$0.25
2011	US\$100/RM310	US\$0.24

Formula  $\frac{1}{2}$  m jawpn  $1\frac{1}{2}$ m

- c) kadar pertukaran bagi RM berbanding US\$ semakin menurun dari tahun 2008 hingga 2011 [1m], ini kerana kita memerlukan banyak jumlah RM untuk mendapatkan 100 unit US\$ (1m)
- d) penurunan kadar pertukaran asing Malaysia menyebabkan peningkatan imbalan dagangan Malaysia [1m], ini kerana harga eksport Malaysia menjadi lebih murah dan kuantiti eksport meningkat. (1m)
- e) -melaksanakan devaluasi iaitu penurunan nilai mata wang  
 - memberi galakan eksport seperti pemberian subsidi